

## Sentimen Kepartian dan Personaliti Pemimpin Pada Pilihan Raya Umum 2018: Kajian di Kawasan DUN Chempaka, Kelantan

### *Partisan Sentiment and Personality of Leaders on the 2018 General Elections: Research in the area of State Legislative Assembly of Chempaka, Kelantan*

JUNAIDI AWANG BESAR

#### ABSTRAK

*Dalam sesebuah pilihan raya, pengundi merupakan satu komponen yang penting. Pengundi akan mengundi dalam pilihan raya sama ada berdasarkan sentimen kepartian ataupun personaliti pemimpin. Justeru itu, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji pengaruh sentimen kepartian dan personaliti pemimpin terhadap pilihan politik pengundi di kawasan DUN Chempaka, Kelantan. Bagi mencapai objektif kajian, dua kaedah kajian telah digunakan iaitu soal selidik terhadap 377 orang responden berdasarkan lokasi geografi iaitu bandar dan luar bandar di kawasan kajian; dan rujukan terhadap sumber sekunder yang berkaitan. Seterusnya, data daripada borang soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian SPSS dan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan penulisan hasil kajian ini dikukuhkan dengan sumber sekunder yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa responden di kawasan kajian mengutamakan kriteria politik yang mempunyai calon yang mengutamakan rakyat, mampu menjana pembangunan rakyat dan membasmi kemiskinan dan adil kepada semua pihak. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ciri personaliti pemimpin yang diinginkan oleh responden di kawasan kajian ialah bersikap jujur dan amanah terhadap tanggungjawab yang diberikan, bersih daripada rasuah dan pemimpin yang mengutamakan kebajikan rakyat. Justeru, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan umum atau panduan kepada semua pihak terutamanya parti politik dan pihak kerajaan untuk meneliti isu dan permasalahan yang berlaku di kawasan kajian agar pihak yang terlibat lebih peka dalam memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat sebaik mungkin.*

*Kata kunci: Pilihan raya; pengundi; sentimen kepartian; personaliti pemimpin; sumber maklumat*

#### ABSTRACT

*Voters are an important component of the election. Voters will vote in an election based on their party's sentiments or leader's personality. Therefore, it is the purpose of this study to study the influence of party sentiment and personality of leadership of voters political choice in the Chempaka constituency, Kelantan. In order to achieve the objectives of the study, two research methods were used, namely, a questionnaire on 377 respondents based on the geographical location of urban and rural areas in the study area; and references to related secondary sources. Subsequently, data from the questionnaires were analyzed using the SPSS software and presented in the form of tables and the writing of the results of this study was confirmed with relevant secondary sources. The findings show that respondents in the study area wanted political criteria that have the people who prioritize the people, able to generate people's development and eradicate poverty and fairness to all parties. The personality characteristics of the leaders desired by the respondents in the study area are to be honest and trustworthy of the responsibilities, net of corruption and leaders who prioritize the welfare of the people. Hence, this research findings can be used as a general reference guide or guide to all parties, especially political parties and the government to examine issues and problems in the study area so that the parties involved are more sensitive in meeting the needs and needs of the community as possible.*

*Keywords: Elections; voters; party sentiment; leader personalities; information sources*

#### PENGENALAN

Pilihan raya adalah petunjuk asas dalam melihat bahawa sesebuah negara dilabelkan mengamalkan sistem demokrasi atau bukan demokrasi. Pilihan raya adalah implimentasi kepada konsep hak

kebebasan bersuara dan ia merupakan satu kaedah utama dalam melihat penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam politik di sesebuah negara. Di Malaysia, Pilihan Raya Umum (PRU) telah diadakan secara konsisten iaitu 14 kali sejak negara ini merdeka. Sepanjang PRU tersebut, dominasi

politik oleh Barisan Nasional (BN) selama 56 tahun menyebabkan mereka telah memperoleh majoriti dua per tiga dalam setiap kali pilihan raya kecuali PRU-12 dan PRU-13. Hal ini demikian kerana parti tersebut menerima tamparan hebat oleh pihak parti pembangkang dan juga krisis dalaman parti yang menyebabkan dominasi politik oleh parti tersebut semakin lemah. Namun demikian buat pertama kali dalam sejarah PRU apabila BN tewas pada PRU-14, 2018 kepada pakatan parti pembangkang iaitu Pakatan Harapan (PH) yang menggunakan logo Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang merangkumi PKR, *Democratic Action Party* (DAP), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Sokongan pengundi dalam pilihan raya dapat dikaitkan dengan faktor isu semasa, manifesto parti, pengalaman parti memimpin, personaliti calon atau pemimpin dan tidak terkecuali juga ialah faktor sosiologi iaitu kesamaan pengundi dengan calon dari segi jantina, hubungan persaudaraan, umur, kaum, agama, kelulusan akademik, jenis pekerjaan dan sebagainya. Oleh itu, penulisan artikel ini bertujuan untuk menganalisis pengaruh sentimen kepartian dan personaliti calon/pemimpin dalam Pilihan Raya Umum Malaysia 2018 dengan menjadikan kawasan DUN Chempaka, Kelantan sebagai kajian kes.

## KAJIAN LITERATUR

Ulasan literatur atau kajian lepas mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian iaitu segala yang dikaji yang boleh diperolehi dalam jurnal, buku dan laporan penyelidikan. Kajian lepas dijalankan bagi memahami struktur latar belakang subjek penyelidikan pengkaji dengan lebih mendalam dan membantu penyelidik dalam menyediakan borang soal selidik. Umumnya, terdapat banyak kajian yang dilakukan oleh penyelidik luar negara dan dalam negara berkenaan dengan bidang politik. Bagi kajian tentang politik pilihan raya luar negara, Walsh (1979) menjelaskan bahawa kajian geografi politik terutamanya dalam pilihan raya dan politik bandar bermanfaat kepada penyelidik dan juga ahli politik disebabkan bidang ini akan menentukan kuasa dan strategi kedua-dua pihak tersebut untuk meraih sokongan pengundi bandar. Kajian politik bandar dilanjutkan lagi oleh Johnson (1980) yang menghuraikan bahawa jika projek kemajuan bandar dilakukan sebelum pilihan raya menjejaskan keharmonian dan keselamatan pengundi di sesebuah kawasan bandar, pengundi di kawasan tersebut akan menjadi kritikal dan bertindak untuk

menyokong parti pihak lawan. Bledsoe dan Welch (1987) menghuraikan bahawa parti politik bandar yang lebih aktif mampu memberi kesan kepada kepada politik peringkat nasional kerana mereka mempunyai perolehan kewangan yang stabil dan turut dipengaruhi oleh kriteria pemimpin yang berpelajaran tinggi serta berpandangan jauh dan berkebolehan mempengaruhi pengundi.

Michel (1988), menghuraikan bahawa perancangan bandar yang baik dan memberi kelebihan kepada penduduk bandar akan mempengaruhi sokongan pengundi dalam setiap pilihan raya di majlis perbandaran di sesuatu kawasan. Kajian politik pilihan raya luar negara oleh Zarycki (2000) di negara Poland dan Republik Czech menunjukkan bahawa pengundi yang bermastautin di kawasan bandar di Poland lebih bersifat rasional dalam menerima proses perbandaran. Berbeza pula dengan pengundi di Republik Czech kerana mereka lebih bersifat emosional dan tidak dapat menerima sebarang pembaharuan di kawasan bandar mereka. Menurut Krebs (2001), peruntukan kewangan, pengalaman dan strategi dalam kempen pilihan raya adalah perkara mustahak untuk memperoleh kemenangan dalam pilihan raya, manakala Wood (2002) berhujah bahawa pilihan raya perbandaran untuk memilih ahli politik lebih tinggi kadar turun mengundinya berbanding pemilihan ahli pentadbiran kerana mereka menganggap bahawa ahli politik lebih berpengaruh dalam menetapkan dasar pembangunan di kawasan mereka.

Jeffery & Huckfeldt (2006) menjelaskan bahawa kecekapan dan integriti merupakan antara faktor yang mempengaruhi pengundi dalam penilaian pemilihan calon. Alvarez, Frederick & Nagler (2006) menjelaskan bahawa para pengundi mempunyai peluang untuk membuat keputusan politik secara strategik bagi memberi faedah kepada pengundi. Kajian Michele & Pepinsky (2014) menunjukkan bahawa peranan elit politik serta taktik mereka telah berjaya menyingkirkan calon biasa dalam sesebuah kawasan pengundian.

Magar et al. (2017) menjelaskan bahawa bias berasaskan pemilihan pemimpin yang sistematik memihak kepada parti pemerintah. Resnick (2017) menekankan keperluan untuk mempertimbangkan aspek asas institusi, terutamanya peraturan pilihan raya dan hubungan eksekutif-perundangan bagi menghasilkan kepimpinan yang politik yang berkualiti. Scott & Wills (2017) mendapati bahawa parti politik perlu memperbanyakkan kursus kepimpinan politik berkesan dan berkualiti

agar dapat meyakinkan pengundi untuk memilih pemimpin seterusnya parti politik mereka.

Evans et al. (2017) mendapati bahawa perselisihan antara calon dan pengundi itu penting iaitu situasi di mana calon yang tinggal di kawasan yang tidak bertanding mempunyai kemungkinan untuk memperolehi undi yang lebih berbanding mereka yang tinggal di kawasan sekitar atau di kawasan itu sendiri. Stiers, Daoust & Blais (2018) mendapati bahawa pertimbangan pengundi kebanyakannya dibentuk oleh prestasi pilihan raya di peringkat kebangsaan, tetapi mempunyai calon setempat yang dipilih di daerah dapat sebahagiannya mengimbangi kekalahan peringkat nasional.

Ward & Tavits (2019) menjelaskan bahawa pengaruh politik kepartian mempengaruhi persepsi ideologi pengundi untuk terus setia menyokong parti politik tersebut. Haas, Hassan & Morton (2020) menjelaskan bahawa kesan utama kempen pilihan raya yang bersifat negatif adalah dapat memberi imej kepimpinan dan parti politik yang dipandang serong oleh pengundi.

Bagi kajian politik pilihan raya di Malaysia, Zakry (1990) menjelaskan kebanyakan parti politik dalam Barisan Nasional tidak menampilkan prestasi yang lebih baik, manakala parti pembangkang seperti PAS dan PBS menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding sebelumnya. Kajian yang dilakukan oleh Shamsul Amri (1990) menyatakan bahawa pada era 90-an pengundi sudah bijak dalam arena politik dan mempunyai kuasa untuk menentukan siapa pemimpin mereka malah wakil rakyat yang akan bertanding sering dilanda kebimbangan untuk mendapat sokongan daripada pengundi dalam pilihan raya.

Khong (1991) menjelaskan bahawa isu yang dibangkitkan dalam PRU 1990 telah memberi peluang kepada parti pembangkang iaitu PAS dalam isu agama, Semangat 46 iaitu parti serpihan UMNO dalam isu etnik dan isu bahasa oleh DAP telah menyebabkan kemenangan dalam beberapa kerusi DUN dan Parlimen. Menurut Hamid (1995), gelagat pengundi di Malaysia melibatkan faktor seperti kaum, tempat tinggal, media massa, ideologi, dan sosioekonomi dilihat amat mempengaruhi sokongan terhadap sesuatu parti politik. Safar & Syed Arabi (1995) menjelaskan bahawa pengundian mengikut etnik akan berterusan walaupun pola ini akan semakin menurun. Menurut Abdul Rahman (2000), konflik dan kepuakan dalam politik UMNO serta pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah membuktikan bahawa amalan politik perpuakan dalam UMNO

diamalkan secara konstruktif dan semakin digugat oleh pengaruh parti pembangkang seperti PAS yang mampu untuk mengembalikan kekukuhan perpaduan dalam kalangan ahli, menyegarkan imej parti selain memperkukuhkan pentadbiran kerajaan yang memerintah.

Goo (2002) mendapati bahawa faktor kepimpinan dan kelemahan BN yang menyebabkan DAP terus menang di kawasan Parlimen Kota Melaka. Seterusnya, menurut Masni (2002) menjelaskan bahawa sokongan pengundi terhadap parti politik disebabkan oleh faktor etnik terutamanya dalam kalangan etnik Bumiputera bukan Islam dan Cina, berbeza pula dengan Bumiputera Islam dan kaum yang lain iaitu mereka ini lebih cenderung kepada parti berbanding etnik. Asrhab (2003) menjelaskan bahawa apabila UMNO telah memasuki dalam politik di Negeri Sabah, pemulihan politik etnik Bajau telah berlaku melalui kemasukan UMNO.

Kitingan & Ongkili (1989) menjelaskan bahawa latar belakang kaum dan agama seseorang calon akan memberi impaksi yang besar kepada kemenangan mahupun kekalahan calon yang bertanding dalam sebuah kawasan. Di samping itu, dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Ansir dan Ajis (2008) membuktikan bahawa pengundi yang beragama Islam sebenarnya pada mulanya telah menolak calon BN dalam PRU yang telah dilakukan pada tahun 2004 akan tetapi disebabkan oleh faktor politik wang dalam kempen pilihan raya telah menyebabkan pola pemilihan parti oleh pengundi beragama Islam telah berubah kepada menyokong calon BN.

Menurut Amer (2008), PRU 1999 hingga 2008 menyaksikan sokongan dinamik untuk UMNO, parti pemerintah dan PAS, salah satu parti pembangkang yang berkesan. Berikutnya, Junaidi et al. (2010a) dari segi pemilihan calon, pengundi yang berlatarbelakangkan etnik Melayu, Cina dan India lebih menyokong calon yang mesra rakyat. Kajian oleh Abdul Halim et al. (2010) menjelaskan majoriti pengundi menolak politik perkauman BN dan menyokong ideologi 'Makkal Sakthi' atau kuasa rakyat PKR. Junaidi et al. (2010b); Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faidz (2011) menjelaskan bahawa dari segi kriteria personaliti calon, 81.7 peratus responden telah membuktikan bahawa mereka lebih cenderung untuk memilih calon yang bersikap mesra rakyat, manakala parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan membasmi kemiskinan turut menjadi pilihan mereka iaitu telah mendapat majoriti 75.3 peratus dalam kriteria pemilihan mereka.

Berdasarkan kepada kajian politik PKR di Sabah,

Arnold dan Tony (2011) telah menyarankan agar PKR diorganisasikan semula agar dapat membela hak rakyat di Sabah. Berikutnya, berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh Joseph (2012) menunjukkan bahawa dalam PRK tersebut BN telah memperoleh kemenangan disebabkan oleh sokongan daripada pengundi yang beretnik Bajau yang merupakan penyokong setia Dato' Sri Musa Aman yang merupakan bekas Ketua Menteri Sabah. Seterusnya, Thock (2011) menjelaskan bahawa struktur kepimpinan komuniti Cina telah berubah selepas MCA ditubuhkan pada tahun 1949. Seterusnya, berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan oleh Junaidi, Mohd Fuad & Novel (2012), pola pengundian di negeri ini menunjukkan pengundi Bumiputera Islam lebih kuat dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan, berbeza pula dengan pengundi Cina yang cenderung kepada PKR yang bergantung kepada sentimen politik.

Junaidi et al. (2012a) mendapati pembangunan perumahan telah menambahkan kuasa undi/geopolitik di kawasan di Kuala Lumpur. Mohd Fuad et al. (2012) menghuraikan bahawa kekuatan parti politik di bandar adalah seimbang dan bergantung kepada isu dan penunaian keperluan pengundi di kawasan berkenaan. Junaidi et al. (2015) menjelaskan bahawa keputusan PRK Rompin dan Permatang Pauh menunjukkan ikatan identifikasi parti pengundi begitu kuat kepada BN di Rompin dan PKR Permatang Pauh walaupun kedua-dua parti ini meletakkan calon lama atau calon kitar semula sebagai calon dalam pilihan raya pilihan raya kecil ini. Kajian oleh Junaidi (2015) menjelaskan bahawa responden/pengundi yang merujuk dan membaca media cetak dan elektronik lebih cenderung menyokong BN manakala responden yang mencapai sumber alternatif seperti blog dan media sosial lebih cenderung menyokong parti-parti dalam Pakatan Pembangkang atau Pakatan Rakyat. Menurut Azman, Mohd Fuad & Junaidi (2016) tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan BN di FELDA Kuala Krau dipengaruhi oleh kawalan sosial yang dilakukan oleh sesebuah parti. Khalid (2016) menyatakan bahawa beliau telah melihat PAS membesar dari parti politik kedaerahan kepada parti politik arus perdana dengan beliau bersama menyumbang kepada kejayaan ini. Ahmad Zahid (2016) menjelaskan bahawa semua pihak perlu mengutamakan perpaduan dalam parti bagi merangka dan melaksanakan strategi kemenangan parti bagi menghadapi PRU akan datang.

Berikutnya, Junaidi (2017a) menjelaskan bahawa pada PRU-13 merupakan kemerosotan

BN dari segi kerusi Parlimen dan gagal meraih undi popular. Keadaan ini disebabkan apa yang dikatakan 'tsunami Cina' yang memusnahkan harapan BN untuk mendapatkan kerusi Parlimen 2/3 serta menawan semula Negeri Selangor dan Pulau Pinang. Junaidi (2017b & 2018a) menjelaskan bahawa BN terus mengekalkan 'status quo' dalam PRK Parlimen Kuala Kangsar dan Parlimen Sungai Besar kerana faktor identifikasi parti dan mentaliti politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi di kedua-dua kawasan tersebut. Junaidi (2017c) menjelaskan bahawa bagi tingkah laku pengundian di kawasan Parlimen Pasir Mas menunjukkan bahawa pendekatan teori pilihan rasional lebih utama berbanding teori identifikasi parti dan model sosiologi. Ini menunjukkan responden di Parlimen Pasir Mas lebih mementingkan kehidupan mereka terutama yang berkaitan dengan ekonomi, kebajikan, pembangunan dan kemudahan awam terutama bagi pengundi muda.

Ahmad Atory (2017) menghuraikan bahawa bagi meneruskan kelangsungan politik UMNO dalam menuju PRU akan datang, UMNO perlu melakukan perubahan nilai dan moral dalam UMNO, mengambil peluang terhadap krisis kepimpinan dan kecelaruan parti pembangkang, memperkukuhkan jentera dan kepimpinan UMNO dan BN serta UMNO perlu merintis kearah perpaduan Melayu dengan mengajak semua pemimpin Melayu dalam UMNO, PAS dan PKR untuk bersemuka dan berbincang demi kelangsungan politik Melayu di negara ini. Mohamed Anwar et al. (2017) menyatakan bahawa UMNO berperanan penting dalam sejarah penetapan Perkara 3 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Islam merupakan agama Persekutuan.

Ali et al. (2018) menyatakan bahawa rakyat Malaysia pada masa kini sangat terpengaruh dengan sumber maklumat politik semasa yang disiarkan dalam media sosial. Muhamad Helmi dan Muhamad Nadzri (2018) menghuraikan bahawa PAS dan AMANAH membawa pertembungan PAS dan AMANAH dalam PRU-14 telah memperlihatkan pecahan landskap politik Melayu-Islam dengan ketara dimana penerimaan dan penolakan terhadap ideologi PAS dan AMANAH dalam PRU-14 berlaku secara serentak di kawasan yang berbeza di Semenanjung Malaysia.

Junaidi et al. (2018a) menjelaskan bahawa Program Perumahan Rakyat (PPR) berjaya mengukuhkan sokongan politik kepada Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan BN. Ahmad Faris &



Nasrudin (2018) menjelaskan bahawa BN sangat berjaya dalam memajukan bangsa, agama dan negara ini sejak PRU-1 hinggalah PRU-13 berteraskan kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan berlandaskan Rukun Negara. Mazli & Jamaie (2018) menjelaskan bahawa budaya politik masyarakat di luar bandar cukup menarik untuk dibahaskan kerana penguasaan geopolitik kawasan luar bandar merupakan katalis dan penentu kejayaan kepada mana-mana parti politik dalam pilihan raya khususnya di Malaysia. Muhd Isham, Muhamad Takiyuddin & Aizul Fahmi (2018) menjelaskan bahawa penyertaan orang Melayu ke dalam sebuah parti yang dilihat membawa imej cauvanis iaitu DAP sering menjadi perhatian banyak pihak dan pengkritik. Junaidi (2018b) menjelaskan bahawa sumber maklumat merupakan aspek penting dalam mempengaruhi seseorang untuk membentuk persepsi politik. Junaidi (2018c) menghuraikan bahawa rakyat akan menyokong parti yang memperjuangkan isu yang dekat dihati mereka seperti isu sosial dan ekonomi.

Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Nizar (2018) menjelaskan bahawa parti politik menampilkan janji pilihan raya mereka melalui pelancaran manifesto pilihan raya sejak sebelum pembubaran Parlimen lagi disamping menyenaraikan trek rekod pemerintahan masing-masing di negeri dan nasional yang mereka kuasai. Imlan (2018) menjelaskan bahawa wibawa Tun Dr. Mahathir, isu cukai GST, skandal IMDB, masalah kewangan FELDA, peningkatan kos sara hidup, peluang kerja yang terhad dan kebebasan bersuara yang dikekang menjadi faktor utama kekalahan BN dalam PRU 2018. Mohammad Qayyum (2018a) menghuraikan bahawa Malaysia terutamanya Orang Melayu perlu berbangga dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang secara tidak langsung membantu menyatupadukan ahli politik dalam Pakatan Harapan yang menjadi resepi penting dalam memenangkan PH pada peringkat persekutuan dalam PRU 2018. Mohammad Qayyum (2018b) menyatakan bahawa Anwar Ibrahim merupakan sorang figura politik yang sangat kental dan tabah dalam perjuangan politik beliau yang terkenal dengan kata-kata 'kalau takut kepada risiko/cabaran, usah bicara tentang perjuangan'.

Junaidi, Abdul Muein & Ahmad Afif (2018) menjelaskan faktor ekonomi/beban/kos sara hidup rakyat, pengaruh Tun Dr. Mahathir, pengaruh 1.4 juta pengundi baru/muda dan perang persepsi telah berjaya membentuk satu gelombang yang akhirnya telah menumbangkan BN dalam PRU kali ini. Junaidi et al. (2018b) menjelaskan bahawa

bagi wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia, Pakatan Harapan (PH) mendominasi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen berbanding Barisan Nasional (BN) dan Parti Islam Semalaysia (PAS). Junaidi & Mazlan (2019) menjelaskan bahawa meskipun UMNO selaku tunjang dalam BN telah tewas pada peringkat persekutuan dan beberapa negeri dalam PRU-14 namun parti politik tersebut masih mengekalkan penguasaan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu di kawasan luar bandar. AMANAH pula meskipun bertanding tidak banyak kerusi Parlimen dan DUN hasil daripada pembahagian kerusi pilihan raya antara parti-parti dalam PH namun masih berjaya memenangi kerusi di kawasan bandar dan separa bandar yang berkomposisikan etnik campuran.

Mohammad Agus & Shah Mohd Akmal (2019) menyatakan bahawa pengundi FELDA tidak lagi mengundi berdasarkan kesetiaan kepada parti atau kumpulan etnik, namun berdasarkan kepada pilihan rasional iaitu isu seperti IMDB, FGV dan skandal FELDA. Junaidi (2019a) menjelaskan bahawa kejayaan PH menewaskan BN dan PRU 2018 menunjukkan bahawa politik adalah satu disiplin ilmu yang menarik tetapi sukar untuk dikaji kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik. Junaidi (2019b) menyatakan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 Malaysia menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi kaum Cina.

Mohd Mahadee et al. (2020) menyimpulkan bahawa dalam mengutarakan isu politik semasa, golongan belia terpelajar etnik Melayu didapati lebih objektif dalam mengemukakan pandangan mereka manakala golongan belia terpelajar etnik Cina dan India pula didapati lebih positif dalam menunjukkan sokongan terhadap pemerintahan di era Malaysia Baharu pasca PRU 2018. Edmund & Mohamed Nawab (2020) menjelaskan bahawa terdapat beberapa faktor yang membawa kepada kekalahan BN dalam PRU 2018 antaranya ialah penggunaan 1 logo sahaja iaitu logo PKR mewakili PH yang mempunyai 4 parti komponen dalam PRU 2018, serta pengaruh dan pengalaman Tun Dr. Mahathir sebagai bekas Perdana Menteri.

Junaidi, Nur Ellyanis & Muhammad Hazim (2020) menghujahkan bahawa PAS sukar mendapat sokongan padu daripada pengundi di kawasan Pantai Barat kerana ketidakyakinan pengundi terhadap kemampuan PAS dengan mengambil contoh pemerintahan PAS di Kelantan yang menyebabkan

rakyat di negeri tersebut terus dibelenggu kemiskinan dan kemudahan infrastruktur yang kurang baik. PAS juga gagal mendapat sokongan yang baik daripada pengundi bukan Melayu/bukan Islam kerana parti tersebut dilihat terlalu ekstrim dan kurang menekankan kebajikan orang bukan Islam. Najwa (2020) menjelaskan bahawa majoriti pengundi di Kelantan terus memilih PAS untuk memerintah negeri tersebut kerana parti tersebut mempunyai prinsip perjuangan untuk memartabatkan Islam yang lebih jelas di samping telah lama berada dalam politik Kelantan dan dipimpin oleh pemimpin Melayu-Islam yang diyakini dapat mempertahankan kedaulatan Islam-Melayu di negeri tersebut.

Junaidi, Muhammad Yusuf & Mohd Syukri (2020) dalam kajian PRU DUN Sabah 2020 mendapati sokongan pengundi kepada parti politik dalam PRU DUN tersebut adalah berasaskan sentimen pimpinan kepartian etnik iaitu UMNO (BN) dan BERSATU (PN) yang dipimpin Orang Melayu mendapat sokongan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu Sabah serta Melayu Brunei pimpinan UMNO dan BERSATU; kawasan majoriti kaum Rungus-Kadazan-Dusun-Murut oleh pimpinan etnik Kadazan-Dusun daripada STAR dan PBS manakala WARISAN-PKR memperoleh sokongan di kawasan majoriti pengundi etnik Bajau pimpinan etnik Bajau WARISAN dan etnik Cina di kawasan bandar pimpinan etnik Cina DAP dan PKR yang bersekutu dengan WARISAN. Implikasi daripada penulisan artikel ini ialah politik kepartian berasaskan etnik terus mendapat kepercayaan pengundi kerana pengundi lebih yakin dan percaya kepada pemimpin etnik sendiri untuk memperjuangkan nasib hidup mereka dalam jangka masa panjang.

Bagi kajian politik pilihan raya di Kelantan, Mohd Fuad & Junaidi (2011) dalam kajian tentang sebuah Pilihan Raya Kecil (PRK) di Manek Urai, Kelantan menunjukkan bahawa pengundi yang berada di luar bandar lebih cenderung untuk mengundi Barisan Nasional (BN). Junaidi, Mohd Fuad & Mohd Faidz (2012) menjelaskan bahawa faktor kemenangan BN juga dikaitkan dengan kepemimpinan Pengarah Pilihan Raya DUN Galas iaitu Tengku Razaleigh Hamzah dan keberkesanan strategi kempen bersemuka dengan pengundi. Dari segi pola pengundian pula menunjukkan peningkatan jumlah undi yang diterima oleh calon BN bagi kesemua lokasi dan etnik.

Mohd Faidz et al. (2014) menjelaskan faktor penolakan BN di negeri Kelantan ialah kepimpinan Tok Guru Nik Abdul Aziz disamping kegagalan

Gelombang Merah di Kelantan serta sokongan pengundi bandar kepada PAS. Berikutnya, Junaidi et al. (2016) menjelaskan pendekatan teori kelakuan pengundi yang paling diutamakan di N. 22 Jelawat, Kelantan adalah teori pilihan rasional iaitu pengundi akan memberi undi kepada parti atau calon yang paling berkemungkinan dapat memuaskan tuntutan mereka dengan berpandukan maklumat dan pengetahuan terhadap sesuatu pilihan itu. Junaidi (2017c) dalam kajian tentang mengkaji tingkah laku pengundi dan pilihan politik di kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan menjelaskan bahawa pendekatan teori pilihan rasional lebih ketara dipilih oleh pengundi di kawasan ini dan ini menunjukkan bahawa pengundi di kawasan ini lebih mementingkan kepada kehidupan mereka.

Junaidi (2018d) mendapati bahawa kemenangan BN dalam PRK DUN Pengkalan Kubor, Kelantan ini menunjukkan BN harus untuk mengekalkan momentum kemenangan agar mereka tidak hanya menjadi jaguh dalam PRK malahan berusaha untuk menguasai DUN di Kelantan pada PRU-14. Junaidi et al. (2018) menjelaskan antara faktor yang dikaitkan dengan kemenangan BN dalam PRK DUN Pengkalan Kubor ialah keberkesanan jentera pilihan raya BN dan penurunan peratusan keluar mengundi.

Sebagai kesimpulan daripada keseluruhan ulasan literatur ini ialah setiap kajian menganalisis faktor kepartian dan kepimpinan politik secara berasingan. Faktor kepartian dan kepimpinan mempengaruhi sokongan pengundi dalam sesuatu pilihan raya. Ini penting kerana kedua-dua faktor tersebut akan menentukan prestasi perkhidmatan terhadap pengundi yang dapat dijadikan sandaran pengundi untuk memilih lagi parti politik dan pemimpin pada pilihan raya akan datang.


## METOD DAN KAWASAN KAJIAN

Metod ialah pemikiran kepada tatacara penyelidikan yang merangkumi segala hipotesis dan sistem nilai yang menjadi penyebab yang utama bagi kajian yang dijalankan akan mentafsir data dan membuat kesimpulan terhadap kajian yang dijalankan. Metod kajian yang sistematik dan berkesan akan melancarkan tatacara penyelidikan di samping memastikan penyelidikan yang dibuat adalah selaras dengan tujuannya. Metod kajian yang efektif memastikan data yang berkenaan sahaja dikumpulkan dan dimasukkan kedalam analisis penyelidikan supaya dapat menghasilkan keputusan

yang lebih diyakini. Bagi metod kajian ini, kaedah soal selidik telah dilakukan terhadap 377 orang responden yang terdiri daripada pengundi yang berumur 21 tahun dan ke atas iaitu umur layak mengundi di Malaysia. Dalam kajian ini, penentuan sampel daripada keseluruhan jumlah pengundi tersebut telah ditentukan berpandukan kepada persampelan yang dijelaskan oleh Krecjie & Morgan (1970). Maka, jenis persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah persampelan bukan kebarangkalian (non-probability). Seterusnya, data daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS dan ditunjukkan dalam bentuk jadual serta penulisan hasil kajian ini dikukuhkan dengan sumber sekunder yang berkaitan.

Kawasan DUN Chempaka dengan keluasan 29.75 kilometer persegi meliputi 13 kawasan Daerah Mengundi iaitu Sabak, Tebing Tinggi, Telok Kitang, Kampung Pulau Panjang, Tanjong Baharu, Che Deris, Baung, Pengkalan Nangka, Chempaka, Simpang Tiga Pengkalan Chepa dan Pulau Gajah.

Kawasan kajian iaitu DUN (N.06) Chempaka, Kelantan merupakan satu daripada tiga DUN yang terletak dalam Parlimen Pengkalan Chepa P.020, manakala dua lagi DUN ialah Panchor dan Kijang (Lihat Rajah 1). Kawasan ini mempunyai 24,758 orang pengundi yang berdaftar dengan 99.01 peratus etnik Melayu, 0.64 peratus etnik Cina, 0.04 peratus etnik India dan selebihnya adalah etnik lain. DUN Chempaka menyimpan memori sejarah negara yang mengikut rekod iaitu Pantai Kuala Pak Amat di Pengkalan Chepa merupakan lokasi pertama pendaratan tentera Jepun di Tanah Melayu yang menandakan permulaan Perang Dunia di Asia Pasifik pada tengah malam 7 Disember 1941 (Malaysian Times 2015). DUN Chempaka terletak dalam jajahan Kota Bharu, penduduk rata-ratanya bekerja sebagai peniaga, kakitangan kerajaan dan swasta dan sektor perkilangan serta Industri Kecil Sederhana (IKS). Pada tahun 2018, direkodkan 24,758 orang pengundi yang berdaftar di DUN Chempaka.



RAJAH 1. Peta Kawasan Parlimen P.020 Pengkalan Chepa dan N.06 Chempaka, Kelantan  
 Sumber: Diubahsuai daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) (2018)

Sejak tahun 1999 iaitu PRU-10, DUN Chempaka dimenangi oleh PAS sejak kepimpinan Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai ADUN di kawasan ini. Pada PRU-13, (2013) PAS yang diwakili oleh Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz telah menang dengan majoriti 6,500 undi. Tidak lama selepas itu iaitu pada 12 Februari 2015 telah menyebabkan satu Pilihan Raya Kecil (PRK) diadakan di DUN Chempaka. PRK 2015 di DUN Chempaka telah menyaksikan kemenangan bagi PAS yang diwakili Ahmad Fathan Mahmood yang menjadi penyandang kepada legasi arwah Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat. PAS yang diwakili Ketua Urusan Ulama PAS DUN Chempaka iaitu Ahmad Fathan Mahmood @Mahamad, 42 tahun, memperoleh 10,899 undi mengalahkan empat calon bebas lain. Empat calon bebas itu terdiri bekas pensyarah iaitu Izat Bukhary Ismail Bukhary, 48 tahun memperoleh 51 undi; bekas Naib Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa (PERKASA) Kelantan iaitu Sharif Mahmood, 59 tahun, (807 undi); Yang Dipertua Pertubuhan Keturunan Paduka Raja Cik Siti Wan Kembang iaitu Fadzillah Hussin, 55 tahun (89 undi); dan ahli perniagaan iaitu Aslah Mamat yang berusia 64 tahun, memperoleh 27 undi. Ustaz Ahmad Fathan telah memenangi PRK tersebut dengan majoriti 10,092 undi. Peratusan keluar mengundi menurun dengan 55 peratus sahaja dicatatkan pada PRK kali ini berbanding 85.93 peratus pada PRU-13. Pada proses pengundian awal pada 18 Mac 2015, sejumlah 35.40 peratus atau 530 orang daripada 1,497 pengundi awal daripada kalangan anggota tentera dan pasangan mereka telah menunaikan tanggungjawab mereka. Barisan Nasional (BN) tidak bertanding pada PRK ini kerana memberi tumpuan kepada kerja pemulihan pasca banjir setelah Kelantan dilanda banjir luar biasa pada Disember 2014 (Utusan Online 2015).

Pada PRU-14, DUN Chempaka masih dimenangi oleh PAS yang juga melalui calonnya yang juga merupakan penyandang pada PRK 2015 iaitu Ahmad Fathan Mahmood yang memperoleh 10,549 undi mengatasi dua parti yang bertanding iaitu PH-PKR dan BN-UMNO dengan majoriti 3,474 undi mengatasi calon BN-UMNO iaitu Mohamed Fareez Noor Amran dan calon kontroversi PKR-PH iaitu Nik Omar Nik Abdul Aziz (Utusan Online 2018). DUN Chempaka buat kali pertama telah berlakunya pertandingan tiga penjujur yang melibatkan PAS melalui Ahmad Fathan Mahmood (10,549 undi), Mohamed Fareez Noor Amran (7,075 undi) yang mewakili BN dan Nik Omar Nik Abdul Aziz (2,418 undi) yang mewakili PH-PKR (AMANAHA). Jumlah keluar mengundi ialah 82.96 peratus daripada

keseluruhan 24,702 orang pemilih dan undi rosak ialah 232 undi. DUN Chempaka merupakan sebuah kawasan yang berada dalam Parlimen Pengkalan Chepa (P.020).

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### SENTIMEN KEPARTIAN

Sejak pasca kemerdekaan lagi, keamanan dan keharmonian kehidupan masyarakat di Malaysia ini terbentuk daripada kepelbagaian agama, budaya, etnik dan kaum adalah disebabkan adanya sikap toleransi antara agama dan toleransi antara kaum. Melalui amalan toleransi ini menyumbangkan suasana politik yang aman dan toleransi antara parti. Sikap ini akan mewujudkan masyarakat yang lebih aman harmoni dalam mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di negara ini. Walau bagaimanapun, sentimen kepartian dalam masyarakat Malaysia pada hari ini masih menebal sehingga matlamat untuk mewujudkan toleransi antara parti terbantut. Namun demikian, terdapat juga antara mereka mengamalkan sikap toleransi antara agama walaupun ada had tertentu dalam meraikannya. Masyarakat pada hari ini, tidak sepatutnya lagi menjadi pengamal politik yang memihak hanya fokus kepada satu blok dan set pemikiran yang tertumpu kepada sesuatu perkara khususnya parti yang hanya memperjuangkan kepentingan kaum sahaja.

Selain itu, sikap bersederhana bagi setiap individu yang menyatakan sokongan kepada parti yang disokongi mereka mestilah menjadi dasar dalam melahirkan sikap toleransi antara parti. Hal ini demikian bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang aman harmoni yang terdiri daripada pelbagai agama, kaum, budaya, bangsa dan akhir sekali pelbagai ideologi politik.

Parti politik ditakrifkan sebagai persatuan atau organisasi yang dianjurkan sama ada oleh individu atau kumpulan tertentu. Organisasi atau persatuan ini bermatlamat untuk meletakkan anggotanya di pejabat kerajaan atau kabinet kerajaan bertujuan untuk melaksanakan dasar politik (Marume, Chikasha & Ndudzo 2016). Rodee (1983) menyatakan bahawa parti politik ialah satu kumpulan manusia yang bersetuju terhadap prinsip yang membolehkan mereka untuk berkhidmat kepada negara.

Dalam siri pilihan raya, setiap parti akan meletakkan calon yang terbaik bagi memastikan calon tersebut dipilih oleh majoriti pengundi. Dalam



pada itu, setiap parti politik sama ada pembangkang atau parti kerajaan pusat berusaha keras untuk memperkenalkan calon parti mereka melalui kempen pilihan raya. Bagi pengundi pula, mereka mempunyai kriteria calon yang mereka akan pilih. Oleh hal yang demikian, setiap parti politik yang bertanding akan dinilai dan diteliti oleh pengundi sebelum mereka memuktamadkan keputusan.

Berdasarkan Jadual 1, 82.5 peratus responden memilih kriteria parti politik yang mengutamakan rakyat. Parti politik yang memiliki pemimpin yang mengutamakan rakyat mampu mengukuhkan kedudukan parti. Dalam konteks ini, rakyat bukan sahaja diberikan keutamaan oleh kerajaan, malah dalam setiap hal terutamanya dalam mengimplementasi sebarang polisi atau peraturan, kerajaan atau pemerintah mestilah mengambil kira setiap aspek rakyat supaya mereka tidak terbeban dengan penetapan yang telah dilakukan oleh kerajaan. Bukan itu sahaja, pihak kerajaan juga tidak sepatutnya melaksanakan sesuatu dasar yang mendatangkan kebaikan yang sedikit tetapi menimbulkan kemudaratan yang besar. Oleh itu, setiap parti politik di negara ini baik BN-PAS mahupun PH mestilah berusaha untuk

mengutamakan rakyat dengan menunaikan segala hak rakyat bagi mengekalkan keamanan yang telah dibina.

Sementara itu, dalam membincangkan parti politik yang mempunyai calon mengutamakan rakyat, pembangunan rakyat dan pembasmian kemiskinan juga perlu diambil kira. Dalam hal ini, responden telah memilih parti yang mampu menjana pembangunan rakyat dan membasmi kemiskinan iaitu 72.9 peratus. Pembangunan dapat dilakukan melalui projek pembangunan yang memberi faedah secara tidak langsung kepada rakyat. Sebagai contoh dengan meningkatkan pendapatan rakyat dan meningkatkan peluang pekerjaan, menyediakan peluang perniagaan kepada rakyat serta mengubah ekonomi rakyat. Kebaikan pembangunan ini diterima jika pembangunan dibangunkan dalam kawasan mereka. Hal ini demikian kerana pembangunan menggalakkan kehidupan rakyat merealisasikan potensi, membina keyakinan serta menjamin kehidupan rakyat yang lebih berkualiti. Bukan itu sahaja, keadaan ini mampu membebaskan rakyat daripada kemiskinan serta penindasan politik, ekonomi dan sosial.

JADUAL 1. Kriteria parti politik yang dipilih (peratus)

Kriteria parti politik yang dipilih	Ya	Tidak	Tidak pasti
Mempunyai calon yang mengutamakan rakyat.	82.5	1.6	15.9
Mampu menjana pembangunan rakyat dan membasmi kemiskinan	72.9	0.5	26.5
Adil kepada semua pihak.	71.6	1.9	26.5
Memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, keadilan dan hak asasi manusia dan anti rasuah).	71.4	3.2	25.5
Dapat mempertahankan agama dan maruah bangsa.	70.8	2.7	26.5
Menjaga perpaduan kaum dan penyatuan bangsa.	70.6	2.9	26.5
Dapat menunaikan janji dan mempunyai rekod yang baik.	70.0	5.0	24.9
Mempunyai calon berkaliber, bersih dan berpendidikan tinggi.	69.0	4.5	26.5
Manifesto menjana pembangunan rakyat dan negara, berpandangan jauh.	68.7	6.6	24.7
Parti yang berpegang teguh kepada prinsip perjuangan.	68.1	2.7	29.2
Memperjuangkan isu alam sekitar.	67.6	0.6	31.8

Sumber: Soal selidik (2019)

Berikutnya, parti yang adil kepada semua pihak merupakan pilihan ketiga tertinggi responden iaitu 71.6 peratus. Secara umumnya, istilah adil dalam berpolitik bermaksud pemerintahan yang bersih, telus, bebas dan adil sesuai dengan pemerintahan demokrasi yang dilaksanakan di negara ini. Dalam sebuah negara yang berdemokrasi, hak asasi diberikan kepada pihak media, calon, pemilih dan parti. Hak asasi tersebut ialah kebebasan bersuara, berhimpun dan kebebasan untuk mencapai

maklumat. Hal ini demikian untuk membuka kepada semua pihak untuk berdemokrasi dengan diberi layanan yang sama adil dan saksama. Sekali gus, rakyat akan lebih menghayati kehidupan dengan kesaksamaan dan maksimum ketelusan

Junaidi (2016) menyatakan bahawa tingkah laku pengundian ialah bidang untuk memahami perkara asas pertimbangan pengundi dalam membuat keputusan mengundi atau tidak dan calon yang hendak dipilih. Memahami tingkah laku

pengundian merupakan perkara penting yang perlu diketahui oleh parti politik yang bertanding dalam usaha untuk memenangi hati pengundi. Secara umum, terdapat tiga model tingkah laku pilihan raya yang telah dilakukan pengkaji di Barat iaitu model sosiologikal, model identifikasi parti dan model pilihan rasional. Menurut Campbell et al. (1960), identifikasi parti adalah lampiran psikologi jangka panjang bagi sesebuah parti politik.

Jadual 2 menunjukkan parameter Teori Identifikasi Parti di kawasan kajian. Dapatan kajian menunjukkan responden mengundi sesuatu parti berdasarkan kehendak sendiri iaitu 98.1 peratus.

Responden menyokong parti pilihannya walaupun terdapat dalam kalangan ahli keluarga, saudara-mara dan keluarga yang berlainan ideologi. Bukan itu sahaja, responden memilih parti yang sama setiap kali pilihan raya diadakan tanpa menghiraukan isu yang berbangkit. Buktinya, Butler & Stokes (1974) berpendapat bahawa aspek kepentingan pengundi berperanan dalam mengukuhkan dan menentukan identifikasi parti. Hal ini demikian kerana pengundi telah yakin terhadap sesebuah parti akan memenuhi keperluan dan kepentingan mereka, maka ia akan mengundi parti itu tanpa menghiraukan isu yang dibangkitkan.

JADUAL 2. Parameter Teori Identifikasi Parti

Parameter Teori Identifikasi Parti	Ya	Tidak
Saya mengundi sesuatu parti berdasarkan kehendak sendiri.	98.1	1.9
Saya mempunyai maklumat yang cukup untuk membuat pilihan yang terbaik di peti undi.	95.5	4.5
Saya tidak kisah duduk dan berbincang tentang politik dengan mereka yang berbeza parti politik.	92.9	7.1
Saya tetap menyokong parti saya walaupun berlainan ideologi dengan ahli keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan.	91.5	8.5
Saya dan keluarga memilih parti kerana dasar perjuangan parti tersebut.	91.2	8.8
Saya merasa bangga dengan parti saya.	90.5	9.5
Asas sokongan saya kepada parti yang saya minat adalah padu dan tidak berbelah bahagi.	89.7	10.3
Saya setia dengan parti yang saya sokong.	89.1	10.9
Saya memilih parti yang sama setiap kali pilihan raya diadakan tanpa menghiraukan isu yang berbangkit.	88.9	11.1
Bukti sokongan saya kepada parti yang didokongi adalah melalui penyertaan saya dalam aktiviti parti tersebut.	87.8	12.2
Saya merasa bangga dengan memakai baju atau pakaian yang mempunyai logo parti saya.	87.5	12.5
Reputasi parti saya tidak boleh dipertikaikan.	86.7	13.3
Saya taat kepada arahan pimpinan parti saya.	86.2	13.8
Ahli keluarga banyak mempengaruhi saya dalam membuat pilihan parti.	84.9	15.1
Jika parti saya tidak bertanding dalam sesuatu pilihan raya maka saya tidak akan turun mengundi.	83.6	16.4
Saya tetap membela parti saya walaupun terpalit isu integriti dan ketidakkonsistenan dalam prinsip parti.	79.8	20.2
Saya sanggup menghabiskan wang dan harta benda untuk parti saya.	74.3	25.7
Saya akan menonjolkan pendirian parti yang saya sokong dengan meletak poster parti atau calon parti saya dalam rumah saya.	66.3	33.7
Saya akan merosakkan kertas undi jika parti saya tidak bertanding.	53.1	46.9

Sumber: Soal selidik (2019)

Seterusnya, 95.5 responden mempunyai maklumat yang cukup untuk melakukan pilihan yang terbaik di peti undi. Lazimnya dalam pilihan raya, pengundi akan mengundi parti atau calon yang mampu memperjuangkan kepentingan mereka dengan berpandukan maklumat tentang isu dasar dan polisi parti yang bertanding. Seterusnya, mereka akan melakukan perbandingan secara logik bagi memilih parti yang memaksimumkan kepentingan dan keuntungan yang lebih baik kepada mereka. Teknologi maklumat serba canggih pada masa kini membolehkan semua pengguna mencapai pelbagai sumber maklumat politik tidak kira lapisan umur. Capaian kepada maklumat secara tidak langsung telah membuka peluang untuk responden

menentukan pemilihan sesebuah parti secara bijak dan berhemah.

Berikutnya, 92.9 responden bersikap toleransi dalam kalangan penduduk kerana mereka mampu berbincang tentang politik dengan mereka yang berbeza parti politik. Hal ini demikian kerana mereka menyedari bahawa tidak ada manfaat yang diperoleh jika mereka saling bergaduh sesama sendiri dan mengasingkan diri kerana perbezaan sokongan parti politik. Hal ini membuktikan bahawa rakyat Kelantan sangat berpegang teguh terhadap satu perkataan yang agak terkenal dalam dialek Kelantan iaitu "*sek kito jange pecoh*" yang bermaksud rakyat Kelantan tidak boleh berpecah-belah dalam setiap hal termasuklah aspek politik.

Tambahan pula, melalui perbincangan tentang politik antara mereka yang berbeza parti politik ini mampu mengubah perspektif dan mempengaruhi mereka untuk menyokong parti lain.

#### PERSONALITI PEMIMPIN

Kepimpinan merupakan tingkah laku yang mempunyai keupayaan untuk mengubah haluan sesuatu organisasi (Cartwright & Zender 1960). Kepimpinan yang berkesan sangat perlu untuk negara dan organisasi dalam menguruskan hal ehwal mereka agar sentiasa progresif. Begitu juga dalam perspektif kepimpinan dalam konteks politik, iaitu pemimpin yang berjaya mempengaruhi pemikiran rakyat melalui tingkah laku. Bukan itu sahaja, pemimpin ialah individu yang berperanan untuk menyediakan arah tuju negara dan menjelaskan apa yang ingin dicapai dalam memajukan negara.

Calon merupakan kriteria penting dalam proses pilihan raya di Malaysia agar masyarakat dapat memilih dan menilai calon yang layak memimpin negara pada pilihan raya yang seterusnya. Dalam konteks politik, pemimpin haruslah mempunyai ciri-ciri pemimpin untuk memimpin negara dengan lebih baik. Oleh itu, penilaian terhadap kegiatan dan kegigihan calon wakil rakyat atau pemimpin perlu dilakukan secara komprehensif oleh masyarakat supaya dapat menilai calon yang

layak untuk memimpin negara dan negeri. Oleh itu, dalam perbincangan ini untuk mengenal pasti ciri personaliti pemimpin yang diinginkan oleh responden di kawasan kajian.

Jadual 3 menunjukkan ciri personaliti pemimpin mengikut pilihan responden di kawasan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 92.8 peratus responden memilih pemimpin yang jujur dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab menggambarkan integriti pemimpin. Pemimpin yang jujur dan amanah akan menjaga sumber pendapatan negara dan negeri serta membasmi kemiskinan. Dalam kes ini, wakil rakyat DUN Chempaka iaitu Ustaz Fathan seorang watak yang tidak asing bagi penduduk kawasan kajian kerana beliau seorang yang jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas beliau seorang pemimpin. Contohnya, beliau telah menyalurkan bantuan daripada Kerajaan Negeri iaitu Cek Bantuan Pesakit Kronik & Skim Khairat Kifalah Kerajaan Negeri Kelantan kepada penduduk. Beliau juga selalu melibatkan diri untuk menyalurkan bantuan kewangan seperti sumbangan Bantuan Sosio Armalah DUN Chempaka dan Program Skim Pendidikan Yatim dan Jahitan Kasih DUN Chempaka. Oleh itu, alasan utama responden memilih personaliti pemimpin yang bersikap jujur dan amanah adalah kerana percaya bahawa personaliti tersebut mampu menjamin hak kebajikan penduduk.

JADUAL 3. Ciri personaliti pemimpin pilihan responden (peratus)

Ciri personaliti pemimpin pilihan responden	Penting	Tidak penting	Tidak pasti
Bersikap jujur dan amanah terhadap tanggungjawab yang diberikan.	92.8	0	7.2
Bersih daripada rasuah.	87.8	0	12.2
Pemimpin yang mengutamakan kebajikan rakyat.	84.9	0	15.1
Mementingkan agama dan perpaduan kaum.	83.6	0	16.4
Seorang yang berpengetahuan agama.	82.5	1.6	15.9
Pemimpin yang berjiwa rakyat dan selalu turun padang.	72.9	0.5	26.5
Pemimpin yang adil kepada semua rakyat tanpa mengira fahaman politik.	71.6	1.9	26.5
Bersungguh-sungguh dalam memperjuangkan isu kemanusiaan (ketelusan, amanah, hak asasi manusia dan anti rasuah).	71.4	3.2	25.5
Seorang pemimpin yang pemurah.	70.8	2.7	26.5
Pemimpin yang disukai dan disayangi rakyat.	70.6	2.9	26.5
Mempunyai karisma dan ketokohan yang tinggi.	70.0	5.0	24.9
Pemimpin yang serba boleh dalam aktiviti kemasyarakatan.	69.0	4.5	26.5
Pemimpin yang tidak mementingkan protokol dengan rakyat.	68.7	6.6	24.7
Seorang pemimpin yang merendah diri dan tidak berlagak.	68.1	2.7	29.2
Seorang pemimpin yang mudah mesra dan santai.	67.6	0.6	31.8
Seorang pemimpin yang muda dan profesional.	61.0	0	39.0
Pemimpin yang kaya dan bergelar 'dato'.	60.5	0	39.5

Sumber: Soal selidik (2019)

Berikutnya, 87.8 peratus responden memilih pemimpin yang bersih daripada rasuah. Hal ini dapat dibuktikan melalui kepimpinan Ustaz Fathan dimana beliau bersih daripada kes rasuah. Oleh itu, ciri personaliti pemimpin tersebut menyebabkan beliau disukai oleh penduduk di kawasan ini. Lanjutan daripada itu, fakta yang menunjukkan bahawa 71 orang pemimpin dari BN dan 21 pemimpin PH yang terlibat dalam kes rasuah dan tiada pemimpin PAS yang terlibat dengan rasuah mendorong penduduk memilih pemimpin PAS iaitu Ustaz Fathan Mahmood yang semestinya bersih daripada kes rasuah. Karakter beliau yang beragama dipercayai beliau akan menunaikan tanggungjawab atas nama agama, patuh perintah agama dan tidak melakukan khianat serta rasuah. Aspek ini akan mendorong pemimpin tersebut menjalankan tugas mereka kerana mereka telah dipilih oleh rakyat. Disebabkan itu, Ustaz Fathan Mahmood dipilih oleh responden di kawasan kajian kerana beliau bersih daripada rasuah.

Tambahan pula, 84.9 peratus responden memilih pemimpin yang mengutamakan kebajikan rakyat. Dalam konteks ini, Ustaz Fathan Mahmood mendapat sokongan responden di kawasan ini pada PRU-13 dan PRU-14 ialah kerana beliau seorang yang menjaga kebajikan rakyat. Dapatan ini dapat dibuktikan melalui kajian oleh Teven (2008) iaitu calon politik yang menunjukkan keprihatinannya terhadap kebajikan rakyat akan mempengaruhi pertimbangan pengundi. Teven (2008) juga mendapati bahawa kebajikan yang dilakukan kepada rakyat akan menjadi peramal yang paling kuat dalam mempercayai calon. Sehubungan itu, Ustaz Fathan Mahmood terkenal dalam kalangan penduduk di kawasan kajian. Pelbagai aktiviti kebajikan masyarakat telah dilakukan oleh beliau seperti sumbangan Khairat Kifalah Kerajaan Negeri, Penyampaian Sumbangan Beras Al-It'am dan memberikan sumbangan kepada mangsa kebakaran. Konklusinya, majoriti pengundi yang memilih Ustaz Fathan Mahmood pada PRU-13 dan PRU-14 di DUN Chempaka dapat dikaitkan dengan jasa beliau yang menabur jasa bakti kepada kebajikan masyarakat.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjelaskan bahawa responden di kawasan kajian mengutamakan kriteria parti politik yang mempunyai calon yang mengutamakan rakyat, mampu menjana

pembangunan rakyat dan membasmi kemiskinan dan adil kepada semua pihak. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa ciri personaliti pemimpin yang diinginkan oleh responden di kawasan kajian ialah bersikap jujur dan amanah terhadap tanggungjawab yang diberikan, bersih daripada rasuah dan pemimpin yang mengutamakan kebajikan rakyat. Sentimen atau perasaan kepartian yang digabungkan dengan kriteria pemimpin yang diinginkan menghasilkan sokongan dalam pilihan raya yang kukuh tanpa boleh digugat oleh faktor lain seperti isu, manifesto, konflik dan sebagainya. Justeru, dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai bahan rujukan umum atau panduan kepada semua pihak terutamanya parti politik dan pihak kerajaan untuk meneliti isu dan permasalahan yang berlaku di kawasan kajian agar pihak yang terlibat lebih peka dalam memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat sebaik mungkin.

#### RUJUKAN

- Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2010. Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 6(3): 46-56.
- Abdul Rahman Ibrahim. 2000. Konflik dan Kepuasan dalam Politik: Rujukan Khusus ke Atas UMNO dan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah. Tesis Ijazah Sarjana Sastera (Sains Politik).
- Ahmad Atory Hussain. 2017. Isu dalam kepimpinan dan pilihan raya: Kesan ke atas kelangsungan politik UMNO. Dlm. *Kepimpinan Daripada Pelbagai Perspektif Dalam Konteks Malaysia*, disunting oleh Malike Brahim, Marwan dan Musliza Mohamad. Kota Bharu: Penerbit UMK.
- Ahmad Faris Abdul Halim & Nasrudin Mohammed. 2018. *Malaysia Tanpa BN?*. Kuala Lumpur: Masterplan Consulting Sdn Bhd.
- Ahmad Zahid Hamidi. 2016. *Gendang Perang PRU: Strategi Kukuhkan Parti*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBN).
- Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah. 2018. Penggunaan media sosial untuk sokongan politik di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies* 3(1): 51-63.
- Alvarez, R.M., Boehmke, F.J., & Nagler, J. 2006. Strategic voting in British elections. *Electoral Studies* 25(1): 1-19.
- Amer Saifude Ghazali. 2008. Sokongan Kepada UMNO dan PAS Dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia: Tumpuan Kepada Pilihan Raya Parlimen 1999 Dan 2004, Serta Implikasinya Kepada Pilihan Raya 2008. *Jati* 13 (December): 1-15.



- Ansir Salim & Ajis Lepit. 2008. Senario pilihan raya ke-12 di Sabah: Antara calon atau parti. Dlm. Worrnan Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib, Abdul Kadir Rosline (eds) *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke-12*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, Sabah.
- Arnold Puyok & Tony Paridi Bagang. 2011. Parti Keadilan Rakyat (PKR) Foray into Sabah Politics: One Step Forward in 2004 and Two Steps Backwards in 2010. *Conference On Elections and Democracy in Malaysia. Department of Politics and International Relations*, Faculty of Social Sciences, Universiti Malaysia Sarawak. 9-10 November.
- Asrhab Jan. 2003. Politik Komuniti Bajau dalam Politik Sabah (Latihan Ilmiah). Program Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Azman Mahadi, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2016. Tingkah laku pengundi dan faktor kejayaan Barisan Nasional: Kajian kes FELDA Kuala Krau. *Geografia Online Malaysian Journal of Society and Space* 12(9): 126-137.
- Bledsoe T & Welch, S. 1987. Patterns of political party activity among U.S cities. *Urban Affairs Quarterly* 23(2): 249-269.
- Butler, D. & Stoke, D. 1974. *Political Change in Britain: Basis of Electoral Choice*. London: Springer.
- Campbell, A., Converse, P., Miller, W., & Stokes, D. 1960. *The American Voter*. Chicago: University of Chicago Press.
- Cartwright, D. & Zander, A. 1960. *Group Dynamics: Research and Theory*. 2nd Edition, Evanston: Harper & Row.
- Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. 2020. Introduction: Malaysia's 14<sup>th</sup> General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power. In Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14<sup>th</sup> General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Oxon: Routledge.
- Evans, J., Arzheimer, K., Campbell, R., dan Cowley, P. 2017. Candidate localness and voter choice in the 2015 General Election in England. *Political Geography* 59: 61-71.
- Goo Lee Ping. 2002. Kememangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haas, N., Hassan, M. & Morton, R. 2020. Negative campaigns, interpersonal trust, and prosocial behavior: The mediating effect of democratic experience. *Electoral Studies* 63(February 2020): 102087.
- Hamid. T. 1995. Government In Transition: Building A Culture Of Success - The Malaysian Experience. *Public Administration Development* 15(3): 267-269.
- Imlan Adabi. 2018. Penangan Tsunami Rakyat Untuk BN Muhasabah Diri. *Dewan Masyarakat*. Bil. 6. Halaman 8-17.
- Jeffery, J.M. & Huckfeldt, R. 2006. The accessibility and utility of candidate character in electoral decision making. *Electoral Studies* 25: 20-34.
- Johnson, AT. 1980. Electoral Consequences of Neighborhood Improvement Project. *Urban Affairs Quarterly* 16(1): 109-116.
- Joseph Sipalan. 2012. By-election 13: P185 Batu Sapi, Sabah (October 26-November 4, 2010). In: Wong Chin Huat dan Soon Li Tsin. (eds) *Democracy at Stake?: Examining 16 By-election in Malaysia 2008-201*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Junaidi Awang Besar. 2015. *Impak sumber maklumat terhadap sokongan kepada parti politik: Kajian empirikal PRU di Malaysia*. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 11(8): 90-99.
- Junaidi Awang Besar. 2017a. Trend Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *e-Bangi: Journal of Social Science and Humanities* 12(2): 126-149.
- Junaidi Awang Besar. 2017b. Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *The 6th International Conference On Public Policy & Social Science (ICOPS 2017)*. TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah. 8 & 9 March.
- Junaidi Awang Besar. 2017c. Tingkah Laku Pengundi dan Pilihan Politik di Kawasan Parlimen Pasir Mas, Kelantan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space* 13(3): 97-11.
- Junaidi Awang Besar. 2018a. Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *Journal of Administrative Science* 15(3): 1-41.
- Junaidi Awang Besar. 2018b. Rencana Utama Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Alam siber gelanggang pertarungan kempen pilihan raya. *Akhbar Kosmo!* Halaman 24. Sabtu. 24 Mac.
- Junaidi Awang Besar. 2018c. Menjelang Pilihan Raya Umum ke-14. Najib pimpin BN hadapi pilihan raya umum paling getir. *Akhbar Kosmo!* Halaman 10. Khamis. 5 April.
- Junaidi Awang Besar. 2018d. Pola Pengundian Etnik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Kubor, Kelantan. *Merentasi Sempadan yang Melewati Zaman: Kumpulan Esei Sempena Persaraan Profesor Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman*. 271-300. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar. 2019a. Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 220-232.

- Junaidi Awang Besar. 2019b. Pengaruh Geopolitik Kaum Dalam Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 Di Malaysia. *International Conference On Social Sciences And Humanities 2019 (ICOSSH 2019)*. At: Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak, Malaysia. Organize By: Faculty Of Social Sciences And Management, Universiti Putra Malaysia Campus Bintulu, Sarawak. 8-9 October.
- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali. 2019. UMNO dan Parti Amanah Negara (AMANAH): Analisis Prestasi Dalam PRU 2018 dan Pasca PRU 2018. *Seminar Antarabangsa Ke-8 Arkeologi, Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 8, 2019)*. Tempat: Ancasa Residences, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia. Anjuran bersama: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); & Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Dengan kerjasama: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia; & Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. 27-28 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faizd Mohd Zain. 2011. Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu* (8): 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. 2012. Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P. 185 Batu Sapi, Sabah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 8(8): 23-24.
- Junaidi Awang Besar, Abdul Muein Abadi dan Ahmad Afif Zulkipli. 2018. Gelombang Rakyat Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *Seminar Antarabangsa Ke-7, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM 7, 2018)*. Tema: "Integrasi Nusa Maritim dan Penguat Jalinan Kebhinekaan Alam Melayu di Asia Tenggara. Tempat: Jayakarta, Lombok Beach Resort dan Spa, Nusa Tenggara Barat, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universitas Islam Al-Azhar, Mataram, Indonesia. 28-29 Julai.
- Junaidi Awang Besar, Muhammad Yusuf Idris & Mohd Syukri Zainuddin. 2020. Pengaruh kepimpinan politik kepartian berasaskan etnik terhadap pola keputusan PRU DUN Sabah 2020. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 17(9): 39-60.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori & Muhammad Hazim Abdul Ghani. 2020. Prestasi dan Penerimaan Pengundi Terhadap Parti Islam Semalaysia (PAS) Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 17(4): 60-77.
- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Vivien Yew W.C., Novel Lyndon & Mohd Nor Shahizan Ali. 2018a. Impak Sosioekonomi dan Politik Program Perumahan Rakyat Lembah Subang, Selangor. *Akademika* 88(1): 181-192.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Sity Daud, Rosmadi Fauzi dan Amer Saifude Ghazali. 2018b. Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Senario, Pola dan Impak. Dlm. *Pilihan Raya Kecil Sungai Limau, Kajang, Balingian dan Pengkalan Kubor*. Syed Arabi Idid (Pnyt.). Gombak: Penerbit Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faizd Mohd Zain. 2012. Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan: Analisis Geografi Pilihan Raya. *e-Bangi* 7(1): 64-74.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Nizar Sudin. 2018. Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018: Analisis Terhadap Persaingan Antara BN, PH, PAS dan Parti-Parti Politik Lain. *The 12<sup>th</sup> International Conference on Malaysia-Indonesia Relations (PAHMI-12, 2018)*. Theme: "Strengthening The Identity, Enriching Regional Commonality" (Memperkasa Jatidiri, Memperkaya Kebersamaan Serumpun). Organize By and Vanue: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 1-2 August.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. 2010a. Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *e-Bangi* 5(1): 26-37.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faizd Mohd Zain. 2010b. Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan Dan Pola Pengundian. Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Fuad Mat Jali, Novel Lyndon & Mazlan Ali. 2012a. Impak Pembangunan Perumahan Terhadap Geopolitik Bandar. *Akademika* 82(3): 49-60.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faizd Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof dan Muhammad Hazim Abd Ghani. 2015. Calon lama vs calon muda dalam pilihan raya kecil kawasan parlimen Rompin dan Permatang Pauh 2015. *2nd International Conference on Human Sustainability 2015*. Hotel Royal Bintang, Seremban, Negeri Sembilan. The Royale Bintang, Seremban. 19-20 Oktober.

- Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Novel Lyndon & Ahmad Afif Zulkipli. 2016. Pendekatan Teori Kelakuan Pengundi dan Pilihan Politik di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jelawat, Bachok, Kelantan. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*. 1: 060-077.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Mohd Syukri Zainuddin, Muhammad Hazim Abd Ghani dan Mazlan Ali. 2018. Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *Malaysia Brunei Forum 2018 (MBF 2018)*. Tema: "Pengetahuan dan Inovasi Sosial: Masa Lalu, Kini dan Masa Depan". Anjuran Dan Tempat: Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 7-8 November.
- Khalid Samad. 2016. *Dari PAS ke AMANAH: Berani Berprinsip II*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- Khong Kin Hong. 1991. Federalisme dan integrasi nasional. Kertas kerja Seminar Politik IV, UKM Bangi, Selangor.
- Kitingan JG, Ongkili MJ. 1989. *Sabah: 25 Years Later 1963-1988*. Kota Kinabalu: IDS.
- Krebs, T.B. 2001. Political experience and fundraising in city council elections. *Social Science Quarterly* 82(3): 536-551.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610.
- Magar, E., Trelles, A., Altman, M., & McDonald, M. P. 2017. Components of partisan bias originating from single-member districts in multi-party systems: An application to Mexico. *Political Geography* 57: 1-12.
- Malaysian Times. 2015. *Chempaka menonjol adanya kawasan industri, lapangan terbang*. <http://www.themalayiantimes.com.my/chempaka-menonjol-adanya-kawasan-industri-lapangan-terbang/>. [30/10/2018]
- Marume, S.B.M, Chikasha A.S & Ndudzo. 2016. Political Parties. *IOSR Journal o Mechanical and Civil Engineering* 13(4): 140-152.
- Masni Sanol. 2002. Faktor etnik dalam Pilihan Raya Parlimen P. 161 Sandakan, Sabah (Latihan Ilmiah). Program Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mazli Bidu & Jamaie Hamil. 2018. *Neofeudal UMNO: Politik dan Pembangunan Luar Bandar*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Michele F. & Pepinsky, T.B. 2014. *Beyond Oligarchy: Wealth, Power, and Contemporary Indonesian Politics*. New York: Southeast Asia Program Publications.
- Michel F. 1988. *Politics Philosophy Culture*. New York: Routledge.
- Mohamed Anwar Omar Din, Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Mat Zin Mat Kib & Junaidi Abu Bakar. 2017. Peranan UMNO menegakkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan: Satu kajian secara kronogikal. *Akademika* 87(1): 91-109.
- Mohammad Agus Yusoff & Shah Mohd Akmal Abdul Halim. 2019. Tingkah laku pengundi FELDA dalam PRU-14: Identifikasi parti, sosiologikal atau pilihan rasional?. *Akademika* 89(3): 167-182.
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin. 2018a. *Tun Mahathir: Menongkah Arus Menerjah Limitasi*. Cheras: Casamas Resources Sdn. Bhd.
- Mohammad Qayyum A. Badaruddin. 2018b. *Anwar Ibrahim: Dari Penjara ke Istana*. Cheras: Casamas Resources Sdn. Bhd.
- Mohd Faiz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. 2014. Pilihan Raya Umum 2013: Penolakan Berterusan Pengundi di Kelantan terhadap Barisan Nasional. *Geografia Online Malaysian Journal Of Society And Space* 10: 15-27.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. 2011. Pembangunan dan Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development)* 7: 29-39.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Novel Lyndon & Mazlan Ali. 2012. Politik bandar: persepsi dan tingkahlaku politik pengundi di kawasan parlimen Petaling Jaya Selatan dan Batu. *Akademika* 82(3): 61-75.
- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan & Mohd Sabri Md Nor. 2020. Perkembangan Politik Era Malaysia Baharu: Pandangan Eksklusif Belia Terpelajar. *Akademika* 90(Isu Khas 1): 161-174.
- Muhamad Helmi Sabtu & Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2018. *Persaingan Ideologi PAS dan AMANAH dalam Politik dan Pilihan Raya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhd Isham Abdul Aziz, Muhamad Takiyuddin Ismail dan Aizul Fahmi Abdullah. 2018. *Projek Pascaetnik Melayu dalam DAP*. Bangi: Penerbit UKM.
- Najwa Abdullah. 2020. Intra-Islamist Elite Competition in Kelantan. 2020. In Edmund Terence Gomez & Mohamed Nawab Mohamed Osman. *Malaysia's 14<sup>th</sup> General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power*. Oxon: Routledge.
- Resnick, D. 2017. Democracy, decentralization, and district proliferation: The case of Ghana. *Political Geography* 59: 47-60.
- Rodee, C.C. 1983. *Introduction to Political Sciences*. Saint Louis, Missouri, Mcgraw-Hill Book Company
- Safar Hasim & Syed Arabi Idris. 1995. *Pilihan Raya Umum: Satu Perspektif Komunikasi Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Scott, J., & Wills, J. 2017. The geography of the political party: Lessons from the British Labour Party's experiment with community organising, 2010 to 2015. *Political Geography* 60: 121-131.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1990. *Penelitian Antropologi Dan Sosiologi Terhadap Masyarakat Malaysia: Satu Tinjauan Kritis Ringkas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Stiers, D., Daoust, J. F., & Blais, A. 2018. What makes people believe that their party won the election?. *Electoral Studies* 55: 21-29.
- Teven, J. J. 2008. An Examination of Perceived Credibility of the 2008 Presidential Candidates: Relationships with Believability, Likeability, and Deceptiveness. *Human Communication*, 11(4): 383-400.
- Thock Ker Pong. 2011. Persaingan antara MCA dengan Pertubuhan Cina: Dari Perebutan Kuasa Kepimpinan Masyarakat Cina kepada Penentangan Masyarakat Sivil. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu* *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu* 2(2): 172-197.
- Utusan Online. 2015. *Pas sedia hadapi PRK DUN Chempaka – Ahmad*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/pas-sedia-hadapi-prk-dun-chempaka-8211-ahmad-1.61847>. [10/10/2018].
- Utusan Online. 2018. Maklumat Calon dan Kawasan Pilihan Raya N.06 Chempaka Kelantan. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/pilihan-raja/pilihan-raja-umum-ke-14/maklumat-calon-dan-kawasan-pilihan-raja-n6-chempaka-kelantan-1.653035>. [10/10/2018].
- Walsh, F. 1979. Time-lag in political geography. *Area* 11(1): 91-92.
- Ward, D.G. & Tavits, M. 2019. How partisan affect shapes citizens' perception of the political world. *Electoral Studies*. 60(August 2019): 102045.
- Wood, C. 2002. Voter turnout in city elections. *Urban Affairs Review* 38(2): 209-231.
- Zakry Abadi. 1990. *Analisis Pilihanraya Umum 1990*. Kuala Lumpur: Penerbitan Myz, 1990.
- Zarycki, T. 2000. The socio-political space of the Czech Republic and Poland. Comparative study of structures of the electoral geography. *Przeegląd Geograficzny* 72(3): 269-284.

Junaidi Awang Besar (corresponding author)  
Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: jab@ukm.edu.my

Received: 8 Mei 2020

Accepted: 15 Febuary 2021